

27 SEP 2000

Cuepacs-Bonus

KERAJAAN SEDIA TIMBANG BERI BONUS PADA KAKITANGAN AWAM

PUTRAJAYA, 27 Sept (Bernama) -- Kerajaan bersedia menimbangkan permintaan Cuepacs supaya kakitangan kerajaan diberi bonus minimum RM1,000 atau satu bulan gaji tahun ini, kata Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan.

Beliau berkata kesediaan itu dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuannya dengan pemimpin-pemimpin kesatuan, di sini hari ini.

"Dr Mahathir Mohamad menunjukkan reaksi positif dengan cadangan Cuepacs itu dan bersedia menimbangkannya tetapi tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan," kata beliau kepada pemberita selepas pertemuan hampir dua setengah jam itu.

Abdul Rahman berkata Cuepacs meminta bonus itu berdasarkan tiga asas iaitu ekonomi negara yang bertambah baik, kakitangan awam yang menunjukkan produktiviti yang baik dari masa ke masa dan sumbangan kumpulan pertengahan dan rendah yang memerlukan sumber kewangan untuk persekolahan anak-anak mereka.

Abdul Rahman berkata kemungkinan besar pemberian bonus itu akan diumumkan oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin semasa pembentangan Belanjawan 2001 bulan depan.

Dalam belanjawan 2000 kakitangan awam menerima bayaran bonus sebanyak sembilan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 tetapi termasuk bantuan khas kewangan sebanyak RM600 yang diberikan sejak Julai 1999.

Seramai 150 pegawai tertinggi dan ahli jawatankuasa kerja Cuepacs dan Majlis Bersama Kebangsaan yang diketuai presidennya N. Siva Subramaniam menghadiri pertemuan tertutup itu yang diadakan selepas mereka melawat dan mendengar taklimat pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Abdul Rahman berkata Cuepacs menyerahkan satu memorandum kepada Dr Mahathir yang mengandungi pelbagai cadangan untuk meningkatkan prestasi kerja dan kebajikan kakitangan awam.

Antaranya ialah penarikan balik pembekuan beberapa elaun semasa krisis ekonomi seperti kadar kerja lebih masa, elaun hotel dan elaun perjalanan.

"Perdana Menteri menyatakan beliau akan mengkaji segala yang dibangkitkan dalam memorandum itu bersama Ketua Setiausaha Negara," katanya.

Beliau berkata Biro Wanita Cuepacs meminta kerajaan menyediakan kemudahan penjagaan anak di pejabat-pejabat kerajaan dan kakitangan awam bersedia membayar subsidi kos penyelenggaraan.

Pada pertemuan itu juga, wakil dari Sarawak meminta kerajaan mengkaji peluang lawatan ke Semenanjung yang kini diberikan setiap tiga tahun sekali kepada mereka yang berkhidmat sebelum 1978, meliputi semua kakitangan.

"Perdana Menteri bersedia mengkajinya dan di masa sama akan menggalakkan kakitangan dari Semenanjung berkunjung ke sana agar mereka dapat melihat sendiri keadaan di Sarawak," katanya.

Cuepacs juga meminta kerajaan menaikkan kadar pinjaman perumahan kakitangan awam mengikut kelayakan dan bukannya mengikut gaji semasa, tambah beliau.

Abdul Rahman berkata Dr Mahathir menyatakan penghargaan kepada Cuepacs dan kakitangan awam yang bersama-sama kerajaan menangani krisis ekonomi dan tidak mengambil sebarang tindakan perusahaan.

"Perdana Menteri berjanji memberi perhatian kepada segala rintihan kakitangan awam dan sebagai balasannya, mereka perlu bekerja lebih kuat bersama-sama kerajaan membangunkan negara pada alaf baru ini," katanya.

-- BERNAMA

AR AR LAT

